

# Konservatisme, Domestikasi Bahasa dan Komuniti Pendidik

Azhar Ibrahim Alwee  
Institut Pendidikan Nasional

*All language exists to be revitalized by change*  
Edward W Said

## Pengenalan

Tentunya dalam sesebuah komuniti bahasa, setiap seorang harus akur kepada ketentuan hukum bahasa, dalam nahu dan tatabahasa serta peka akan konvensinya kerana inilah yang menjadi batutanda penggunaan bahasa yang baik. Dari sudut penggunaan formal, ini disebut bahasa standard. Penggunaan bahasa dalam konteks persekitaran yang cepat berubah, memerlukan bukan saja keanjalan minda untuk menerima perubahan baru tetapi keanjalan bahasa untuk menyesuaikan keperluan hidup baru ini. Tetapi kalau terdapat konservatisme berbahasa, besar kemungkinan terjadi penghalangan pengungkapan idea yang lebih anjal dan sesuai dengan konteks dan kemajuan idea. Kalau ada sikap terlalu *puritan* dalam penggunaan bahasa, senanglah pula menuding penyimpangan penggunaan bahasa sebagai pencemaran bahasa. Makanya suasana rasa takut untuk menggunakan bahasa dengan lebih fleksibel, akan terjadi. Akibatnya ada jurang perbezaan besar, iaitu minda yang telah mengetahui beberapa konsep tertentu (dari bahasa yang lain, seperti Inggeris) tetapi tidak dapat pula terartikulasi dalam bahasa sendiri. Perkara ini pernah diperhatikan oleh ahli filosof Friedrich Waismann:

“To look at any departure from the norm as a crime is nothing but a blind prejudice; and a fateful one at that as it tends to drain the life-blood of any independent inquiry. Language is an instrument that must as occasion requires, be bent to one’s purpose. To stick to language as it is can only lead

to a sort of Philistinism which insists on the observance of the cliché and will end up with a harakiri of living thought. Indeed, the guardian of language who jealously watches over its 'correctness' is in the long run bound to turn into a reactionary who looks askance at any innovation. Correctness is a useful, but a negative virtue. Follow those prophets, and you will soon find yourself imprisoned in a language cage, clean, disinfected, and unpleasant like a sanatorium room. ..."<sup>1</sup>

Sebaiknyalah bahasa itu dianggap sebagai suatu wadah dan proses untuk menggerak, membangun dan mengasah kesedaran sosial dan peribadi si pengguna bahasa itu. Hanya dengan adanya perluasan lapangan berbahasa, maka dengan itulah kemungkinan diperlukan konsep, istilah dan perumpamaan (*metaphor*) yang diperlukan untuk mengungkapkan idea-idea tadi dalam perbualan dan penulisan. Dan perluasan ini tidak akan dicapai berdasarkan penghafalan dari glosari istilahkata atau sekadar menggunakan istilah/konsep melalui latihan bertubi seperti membina ayat, kuiz, kefahaman dan sebagainya. Jelasnya, pemikiran kritis dan kreativiti akan berhasil sekiranya ada cara berfikir yang: ( a ) hadap-masalah; ( b ) tidak buta sosial/sejarah/politik dsb; ( c ) ada pertanggungjawaban etis-moral, dan ( d ) berkeyakinan akan kemampuan individu seadanya.

## **Persoalan Bahasa, Persoalan Kebudayaan<sup>2</sup>**

Persoalan bahasa, sebagaimana yang disebut tadi adalah persoalan kebudayaan atau intelektual yang tidak boleh kita biarkan bersahaja, jauh lagi dibiarkan ia dibincang-gemburkan oleh pemerhati *dilettante* atau *pamphleteer* yang sekadar berbincang dalam ragam jurnalistik. Pengamatan dan perbincangan tentang bahasa secara rasional dari segi sejarah dan perlambangannya, lingkungan sosial dan tradisi intelektual, serta rasa terpanggil untuk menghuraikan masalah-masalah di sekitarnya, amat perlu dipupuk dalam wacana yang terus

---

<sup>1</sup> Friedrich Waismann: "The Creative Capacities of Language," dlm. Louis Z. Hammer (ed.) *Value and Man: Readings in Philosophy*. (New York: McGraw-Hill, 1966), h 387

<sup>2</sup> Perspektif seperti boleh kita dapati dari singgungan oleh: Sutan Takdir Alisjahbana, *Language Planning for Modernization: The Case of Indonesia and Malaysia*. (The Hague: Mouton&Co., 1976) dan Rustam Sani, *Politik dan Polemik Bahasa Melayu*. (KL: Utusan Publications, 1993).

kritis lagikan rekonstruktif. Walaupun ramai yang menganggap ini ruang bicara pakar lingusitik, namun kami beranggap bahawa persoalan ini patut sama dibincang-kupas dan dirancang-bangun oleh komuniti pendidik memandangkan mereka adalah “karyawan kebudayaan” dengan meminjam istilah Friere.<sup>3</sup> Justeru itu, sekiranya kita ingin berbicara tentang membangun pemikiran kritikal dan kreativiti, makanya kita perlu mengambilkira persoalan kebudayaan secara sosiologis, memahami apakah faktor-faktor yang menggalak dan apa pula yang menjadi penghalang pertumbuhan pemikiran seperti itu. Juga, tatkala kita kritis terhadap fenomena yang mungkin menghambat kreativi dan daya kritis, tidaklah seharusnya berakhir dengan ketidakberdayaan atau pesimisme, melainkan kita perlu ada tekad harapan dan berkeyakinan bahawa kita, boleh melakukan sesuatu kerana kita adalah tunjang dalam pendidikan untuk generasi hari ini dan yang akan datang.<sup>4</sup>

Bahasa tidak sepatutnya dilihat sebagai wadah berkomunikasi semata-mata. Sebaiknya, bahasa dilihat bukan saja sebagai membayangkan realiti sosial, tetapi ianya juga membantu mencorakkan realiti sosial itu sendiri. Kalau kita menerima hakikat ini, barulah pendekatan pedagogi kita dapat terarah untuk mengajar kita cara berfikir dengan betul yang berdasarkan pencarian sebab-musabab wujudnya (atau tidaknya) sesuatu perkara/benda/fenomena di sekeliling kita.

“Instead of formulating literacy in terms of mastery of techniques, we must broaden its meaning to include the ability to read critically, both within and outside one’s experiences, and with conceptual power. This means that literacy would enable people to decode critically their personal and social worlds, thereby further their ability to challenge the myths and beliefs that structure their perceptions and experiences.”<sup>5</sup>

---

<sup>3</sup> Paulo Freire, *Teachers as Cultural Workers: Letters to Those who Dare Teach*. (Boulder: Westview Press, 1998).

<sup>4</sup> Sila baca, Paulo Freire, *Pedagogy of Hope*. (New York: Continuum, 2002).

<sup>5</sup> Henry A Giroux, *Teachers as Intellectuals: Toward a Critical Pedagogy of Learning*. (Massachusetts: Bergin& Garvey, 1988), h. 84.

Tentunya kita sudahpun maklum bahwa bahasa sebagai pengungkapan manusia yang paling dasar dalam kehidupannya, membedakan ia daripada kehidupan yang lain. Dengan bahasa, manusia membina peradaban demi peradaban. Dengan bahasa juga, manusia membina budaya ilmu, keagamaan, kesenian dan kesusasteraan. Tiada sudut kehidupan manusia yang terlepas daripada bahasa. Bahasa menyampaikan hasrat, melengkapkan makna, menciptakan sesuatu, melaporkan kejadian, mengandaikan sesuatu, merakam yang berlalu dan sebagainya. Pertalian antara bahasa dan budaya, diungkapkan dengan baiknya oleh Ngugi O Thiong:

“Language carries culture, and culture carries, particularly through orature and literature, the entire body of values by which we come to perceive ourselves and our place in the world. How people perceive themselves affects how they look at their culture, at their politics and at the social productions of wealth, at their entire relationship to nature and to other things. Language is thus inseparable from ourselves as a community of human beings with a specific form and character, a specific history, a specific relationship to the world.”<sup>6</sup>

Namun, sementara di suatu sudut bahasa itu dapat memberi jalan kepada manusia membangun kehidupan dan memberi makna akan kehidupan itu, bahasa juga dapat disalahgunakan untuk mendukung upaya yang boleh membenarkan kerapuhan kemanusiaan ataupun dehumanisasi. Sebagai contoh, persoalan komodifikasi barangan, idea, nilai dan pemikiran yang berlangsung dalam situasi kapitalisme, tidak dapat tidak mempengaruhi ragam bahasa kita. Erich Fromm, dalam sebuah kajian, berpendapat adanya kecenderungan dalam penggunaan bahasa kita yang beliau sifatkan sebagai berbentuk *having mode*, berbanding dengan *being mode* yang kian beransur jurang dalam penggunaan bahasa kita. Fromm juga mengingatkan akan bahayanya apabila bahasa membenarkan suatu fenomena yang dipanggilnya ***kefetishan kata*** dalam kehidupan berbahasa dalam masyarakat. Maksudnya, kata/bahasa disalurkan dan dimengertikan untuk keperluan ideologi tertentu, langsung menjerat manusia, untuk tidak dapat melakukan jalan keluar, dek kerana kefetishan bahasa

---

<sup>6</sup> Ngugi O Thiong, *Decolonising the Mind*, (London: James Currey, 1994), h. 16.

itu telah menggabui pemahaman manusia. Disimpulkan beliau: “*the fetishism of words is as dangerous in the realm of political ideology as it is that of religious ideology.*”<sup>7</sup> Makanya, kita harus berwaspada untuk dapat membedakan mana kata atau bahasa yang menjerat pemahaman kita, dan mana yang bisa menyampaikan kita ke arah pembebasan dan kebermaknaan hidup ini. Justeru itu, harus kita pastikan bahawa idea yang tercetus, yang tinggal dalam ranah kata/bahasa tidak dapat merubah dunia ini selagi ianya tidak diterjemahkan ke dalam aksi atau praktis. Lantas, Fromm berkata bahawa: “*The idea which remains a word only changes the words.*”<sup>8</sup>

Dalam konteks kini, ekonomi pasaran bebas yang pantas melihat segala sesuatu dari keberhasilan dan keberuntungan ekonomi (dengan kos pengeluaran yang terendah), maka tidaklah menjadi kehairanan bahawa potensi dan fungsi bahasa itu telah didomestikasikan bukan saja untuk memenuhi keperluan ideologi yang dominan tetapi juga, secara tidak langsung, berlangsungnya budaya pensenyapan, (*culture of silence*) kerana bahasa itu sendiri tidak dapat menampung gerakan pemikiran kritis dan ajuran-ajuran bersifat emansipatoris. Tambah lagi, apabila dalam falsafah pendidikan yang memberati soal-soal teknis daripada hal-hal yang substantif, maka terjadilah idea pendidikan yang kononnya bersifat “neutral” sehingga apa yang terjadi adalah menjalarnya pemikiran yang *apolitikal*, *asosial*, *ahistorikal*, dan *amoral*.

Dalam suasana intelektual yang malap, tambah lagi dengan himpitan keserakahan ekonomi pasaran bebas, tidaklah menghairankan apabila perkara yang *instrumental* (lawannya substantif) diangkat menjadi suatu yang besar, perkara yang remeh digendangkan tanpa kesudahan, asalkan ianya memenuhi keperluan dominan yang tertentu. Pada pendapat kami, inilah sebenarnya yang berlangsung hari ini di kalangan kita. Soal sebutan baku, struktur tatabahasa, ungkapan tradisional, laras kata, penukaran koda/slanga – masih lagi menjadi minat besar kita, seolah-olah nasib bahasa ini terletak pada perkara-perkara ini. Tentulah, kepedulian para pendidik tentang hal ini tidaklah semuanya bersalahan, tetapi ini amat

---

<sup>7</sup> Fromm, *Beyond the Chains of Illusion*. (London: Sphere Books, 1962), h.159.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 177.

bermasalah sekiranya kepedulian ini menjadi suatu obsesi, sehingga meminggirkan perkara atau masalah yang lebih besar.

Sayang sekali kalau bahasa itu hanya dilihat sebagai aset komunikasi untuk kegiatan ekonomi, khususnya pada bahasa yang digunakan dalam perekonomian tertentu, ataupun sebagai bahasa ibunda yang berguna untuk menurun nilai budi sesuatu masyarakat. Artinya, fungsi bahasa dibatasi, dineutralkan, dijadikan sekadar alat komunikasi manusia, tanpa ada kesan atau berkesan dalam manusia mencari makna dalam kehidupannya. Jelas apabila bahasa itu dikosongkan dari fungsi sosial, politik dan kemanusiaan manusia, maka mudah sajalah keneutralan pemikiran bermaharajalela. Sebaliknya, kita harus memastikan bahawa bahasa itu (sebagai pengungkapan manusia yang membolehkan ia untuk menyedari bahawa dari wahana bahasa itu), bukan saja terselindung ideologi yang memerangkap, namun juga dari bahasa itu sendiri dapat kita keluar daripada kebelengguan itu. Sahutan oleh Aronowitz dan Giroux sayugia diperkirakan:

“[D]eveloping a language that can question public forms, address social injustices, and break the tyranny of the present....teachers need a language of imagination, one that insists on consideration of the critical means for developing those aspects of public life that point to its best and as yet unrealized possibilities, and acts to enable such consideration.”<sup>9</sup>

Makanya masyarakat pengguna bahasa, khasnya para inteligentsianya harus sedia untuk menjangkau lebih daripada kepedulian kemampuan berbahasa dengan baik (yang sering diukur berdasarkan kepetahan dan kesantunan) tetapi melihat bahasa itu sebagai wadah untuk menampung pemikiran yang utuh untuk mempersiapkan manusia dalam aturan kehidupan moden yang serba mencabar. Malah, kalau sekadar mengaitkan bahasa sebagai salah satu identiti budaya/bangsa, kita sebenarnya telah memperkecilkan keupayaan bahasa itu sendiri. Pendapat James Donald baik diperturunkan:

---

<sup>9</sup> Stanley Aronowitz & Henry A Giroux, *Postmodern Education: Politics, Culture, and Social Criticism*. (Minneapolis: University of Minnesota Press, 1990), h. 109.

“I take language to be productive rather than reflective of social reality. This means calling into question the assumptions that we, as speaking subjects, simply use language to organize and express our ideas and experiences. On the contrary, language is one of the most important social practices through which we come to experience ourselves as subjects. My point here is that once we get beyond the idea of language as no more than a medium of communication, as a tool equally available to all parties in cultural exchanges, then we can begin to examine language both as a practice of signification and also as a site for cultural struggle.”<sup>10</sup>

Sekiranya ranah bahasa disempitkan kepada memperhalusi warisan bahas, kesopanan budi bicara dan semacamnya itu, maka wacana bahasa itu akan tinggal berbahas-bahasan. Secara tidak langsung, konsep bahasa dan budaya itu sendiri sudah disempitkan pada makna mutlak, dikosongkan dari makna sebenarnya (*budi-daya*, menjadi budaya) sehingga ianya menjadi sesuatu warisan yang diperturunkan, bukan pula sesuatu yang baru diciptakan. Di sinilah terjadinya *ossification* budaya itu sendiri. Yang lebih menyedihkan ianya kegagalan intelektual untuk memberi panduan, arah dan huraian akan masalah yang masyarakatnya hadapi. Hal ini disinggung oleh Paulo Freire dengan tegas:

“Intellectuals who memorize everything, reading for hours on end, slaves to the text, fearful of taking a risk, speaking as if they were reciting from memory, fail to make any concrete connections between what they have read and what is happening in the world, the country, or the local community. They repeat what has been read with precision but rarely teach anything of personal value. They speak correctly about dialectical thought but think mechanistically. Such teachers inhabit an idealized world, a world of mere data, disconnected from the one most people inhabit.”<sup>11</sup>

---

<sup>10</sup> Dipetik dlm. Donaldo Macedo, Bessie Dendrinos & Panayota Gounari (ed.) *The Hegemony of English*. (Boulder: Paradigm Publishers, 2004), h. 26.

<sup>11</sup> Paulo Freire, *Pedagogy of Freedom: Ethics, Democracy and Civic Courage*. (New York: Rowman & Littlefield, 2000), h. 34.

Dalam kehidupan masyarakat moden yang mencabar ini, tentunya diperlukan para inteligentsia dalam masyarakatnya (berfungsi sebagai intelektual transformatif) untuk terkedepan demi memastikan penyebaran kreatif (*creative dissemination*) dan keberlangsungan budaya yang dinamis. Ini kerana warga gurulah *medium* atau perantara di antara idea-idea yang dicetuskan dari golongan pemikir kepada khalayak ramai, teristimewa pada generasi baru, iaitu anak didik mereka sendiri. Beginilah Mannheim berpendapat:

“The future of culture depends not only on our ability to guarantee the conditions of survival for original thinkers at higher levels, but also on our inventiveness in finding new forms for the dissemination of the substance of culture without diluting.”<sup>12</sup>

Jika ini tidak dilakukan, perkembangan budaya menjadi lembab, tidak bermaya malahan tidak dapat membuat penyesuaian kreatif tatkala persekitaran sosio-ekonomi dan politik berubah dengan cepat. Tugas dan tanggungjawab memastikan adanya penyesuaian kreatif ini sayugia dipikul oleh inteligentsia dalam masyarakat itu sendiri. Sebagai pentakrif, peneroka, pemantau serta pelaku dalam budaya, maka tugas ini tidak boleh ditinggalkan. Kalau mereka alpa, tidak ada visi intelektual jauh lagi terpanggil untuk memikul tanggungjawab moral-etis, maka budaya itu akan lemah, mundur dan kaku. Apabila ini berlaku, maka tiadalah budaya itu dapat memajukan ahli-ahli masyarakat di dalamnya.

### **Komuniti Pendidik**

Komuniti pendidik mempunyai tugas yang besar demi memastikan bukan saja anak didiknya maju dalam pelajaran, tetapi yang lebih penting lagi mempunyai kesedaran sosial yang ampuh. Guru Bahasa Melayu, contohnya, seharusnya tidak melihat tugas mereka hanya sebagai pendidik bahasa dan budaya. Kalau guru Bahasa Melayu itu hanya mempunyai kepedulian mengajar dan mempertingkatkan mutu bahasa, maka usaha mereka itu akan tinggal latihan memperbaiki penggunaan bahasa dengan baik dalam situasi formal, tetapi tidak pula

---

<sup>12</sup> Mannheim, *From Karl Mannheim*, (New Jersey: Transaction, 1993), h. 114.



mempertingkatkan kemampuan pelajar/manusia untuk mengungkapkan segala pengalaman hidup mereka. Makanya, terjadilah jurang besar, bahasa sekolah yang teliti akan ragam dan struktur bahasa, tetapi setakat boleh berfungsi dalam domain tersebut. Di luar domain itu, penggunaan bahasa itu menjadi celaru, walaupun tidak, tiada dapat menampung (dari aspek konsep dan perbendaharaan kata) dalam mengungkapkan fenomena atau pengalaman pelajar dalam sesuatu domain itu. Juga, kalau guru asyik mengeluh bahawa anak didiknya sudah lagi tidak tampil dengan kebermelayuannya (yang termaklum sering kali dilihat dari sifat luarannya saja), makanya kami rasa kepedulian yang para guru luahkan itu, masih berlegar dalam tingkat prioritas kepedulian yang berkulit saja. Sayugia jatidiri *Melayu* itu dikaitkan bukan setakat manifestasi luarannya saja, tetapi yang lebih penting ialah komitmennya manusia Melayu itu kepada nasib, cabaran dan arah-tuju bangsanya.

### **Keberdayaan dan Harapan**

Keterpanggilan untuk aktif dalam gerakan sosial, terkedepan untuk menguasai ilmu pengetahuan, terdedah dengan kejelasan politik (bukan bermain politik) dan kesediaan serta minat para pendidik menambah pengetahuan mutakhir yang akan meningkatkan kesedaran dan ilmu mereka, amatlah penting. Komuniti pendidik amatlah berpengaruh dalam masyarakat dari beberapa segi, seperti: ( a ) membentuk minda generasi muda; ( b ) sebagai model contoh kepada anak-anak sekolah; ( c ) sebahagian dari inteligentsia masyarakat, makanya boleh mempengaruhi fikiran dan pendapat awam; ( d ) adanya mereka akses untuk mengajar dan miliki sumber-sumbernya—baik secara formal atau tidak; ( e ) sebagai pembentuk, pengawas dan penilai idea-idea yang diwacana atau yang dipertahan/dipromosi dalam masyarakat; ( f ) sebagai pengaju dan penggubal kurikulum, makanya maklumbalas kepada pihak berwajib amat sangat penting, dan ( g ) kesedaran guru dan keperihatinan tentang ehwal masyarakat akan terjelma dalam pengajarannya, langsung menanamkan sikap kepedulian moral dan etis ke atas masyarakat mereka.

Sayugia juga termaktub dalam makna transformatif itu bukan saja kemampuan berfikir yang maju, kritis dan kreatif, tetapi keteguhan harapan bahawa ada sesuatu yang lebih baik. Menjadi kritis sama sekali tidak boleh berakhir dengan sinisisme dan kepasrahan pada nasib. Kritis harus ditunjangi dengan pemberdayaan, bahawa sesuatu yang lebih baik dapat

dusahakan, betapa ia sukar dan rumit. Afirmasi pada harapan amatlah perlu, senada dengan apa yang dianjurkan Giroux:

“It is essential ...to move from questions of social and cultural reproduction to issues of social and cultural production, from the question of how society gets reproduced in the interest of the capital and its institutions to the question of how the ‘excluded majorities’ have and can develop institutions, values, and practices that serve their autonomous interests.”<sup>13</sup>

Salah satu keperluan asas, yang sayangnya tidak dapat perhatian sewajarnya di kalangan komuniti pendidik ialah: dapatkah persoalan mendalami kurikulum yang telah dirancang, mampu melihat kekurangan ataupun kelebihannya? “*Empowerment includes, for example, teachers’ refusal to blindly follow prepackaged educational materials produced by some experts in their offices to unequivocally demonstrate their authoritarianism....*” Dalam hal ini, kepekaan guru untuk merespons akan sesuatu rancangan kurikulum itu, bergantung besar kepada kemampuan mereka mengaitkan kurikulum dengan idea dan nilai yang mendominasi sesuatu masyarakat itu.<sup>14</sup> Jelasnya, warga guru, yang berfungsi sebagai intelektual publik diambil terkedepan untuk memikirkan persoalan apakah dan mengapakah mereka mengajar sesuatu perkara itu.

“Viewing teachers as intellectuals also provides a strong theoretical critique of technocratic and instrumental ideologies underlying an educational theory that separates conceptualization, planning and design of curricula from the processes of implementation and execution. It is important to stress that teachers must take active responsibility for raising serious questions about what they teach, how they are to teach, and what the larger goals are for

---

<sup>13</sup> Dipetik dlm. Donald Macedo, Bessie Dendrinos & Panayota Gounari (ed.) *The Hegemony of English*, op. cit. h. 42.

<sup>14</sup> B Shaw, “The Sociology of Knowledge and The Curriculum”.

which they are striving. This means that they must take a responsible role in shaping the purposes and conditions of schooling... “<sup>15</sup>

## **Anjuran Renungan dan Tindakan**

Secara ideal setiap masyarakat itu memerlukan warga guru itu berkomited untuk memastikan adanya pencerahan pemikiran, serta meyakini ianya sebagai pertanggungjawaban etis-moralnya terhadap masyarakat mereka. Bagi komuniti pendidik, tatkala mereka mahu membentuk dan mempengaruhi pemikiran anak didik mahupun khalayak ramai, seharusnya mereka sedar bahawa pengajian secara ideal dan abstrak hanya akan berkesan sekiranya kita juga memikirkan realiti sosial dan budaya kita. Ertinya, bagaimana sesuatu yang dicitakan itu (yang diandaikan baik untuk masyarakat) dapat diterjemahkan secara konkrit dalam kehidupan masyarakat itu. Justeru itu, betapapun seseorang itu menguasai sesuatu ilmu untuk dimanfaatkan dalam masyarakatnya, ianya tidak akan berkesan sekiranya beliau tidak memperdulikan struktur masyarakatnya. Ertinya, tanpa kepedulian tentang struktur masyarakatnya, bererti kepincangan kesedaran sang intelektual itu tadi untuk mendiagnosis masalah dan kegencotan di sekelilingnya. Dan salah satu asas untuk menjanakan pemikiran yang kritis-diagnostik itu, harus bermula dengan kepekaan pada bahasa yang transformatif sifatnya, seperti yang disebut Freire: “*to exist, humanly, is to name the world, to change it.*” Selagi pendidikan bahasa diajarkan dalam bentuk yang formalistik/tradisional, maka di situlah letaknya antara rintangan mental dan struktural yang menghalang tumbuhnya pemikiran kreativiti dan kritikal. Kesimpulannya, membangunkan daya kreativiti dan kritis di kalangan pelajar kita, tidaklah boleh disempitkan sebagai salah satu teknik pengajaran dalam kelas. Lebih penting lagi, sebagai guru, kita mestilah menjelaskan signifikannya pemupukan daya kreativiti dan kritis ini; bukan saja dalam kegiatan di sekolah, tetapi untuk kehidupan setiap warga muda kita.

Dalam apa jua kebudayaan manusia, apabila persoalan bahasa diremeh dan tidak pula dibangunkan, maka ianya akan membawa kesan yang tidak diingini, iaitu kesannya kepada kebudayaan itu sendiri, dan tentunya, kepada setiap ahli masyarakat itu tadi. Umumnya,

---

<sup>15</sup> Dipetik dari Jesse Goodman, Review on “Teachers as Intellectuals: Toward a Critical Pedagogy of Learning,” *Journal of Education*, Vol. 170, No.2, 1988, h. 145-6.

dalam masyarakat kita, persoalan bahasa seringkali diperhatikan dan itu adalah petanda yang baik. Namun, tatkala kita memberi perhatian kepada soal bahasa, tumpuan kita seharusnya memikirkan tingkat kedalaman kita membicarakan soal-soal itu. Antara soal-soal itu, tentunya bersangkutan pengajaran Bahasa Melayu. Yang terakhir ini bukan saja seharusnya dianggap sebagai bahasa komunikasi dan bahasa kebudayaan, tetapi juga suatu bahasa yang dapat memberi makna kehidupan dan pengertian kemanusiaan yang utuh kepada warga penutur bahasa ini, iaitu suatu bahasa yang dapat membantu mereka memahami dan menyesuaikan diri kepada realiti kehidupan ini. Akhirul kalam, pandangan Kassim Ahmad baik direnungkan dengan serius:

“[D]ua pola dalam peranan bahasa: pertama sebagai alat komunikasi, dan kedua sebagai iri kreativiti bangsa. Kalau kita cintakan bangsa kita dan ingin melihat bangsa kita maju dan kekal pada tempat yang terhormat di kalangan masyarakat antarabangsa, kita bukan sahaja memerlukan bahasa kita sebagai alat komunikasi, tetapi lebih-lebih lagi sebagai saluran kreatif bangsa untuk membangunkan bangsa dan tamadun.”<sup>16</sup>

\*\*\*\*\*

---

<sup>16</sup> Baca, Kassim Ahmad, “Bahasa: Saluran Kreativiti dan Batasannya,” *Dewan Sastera*, Nov. 1986, h. 8-9.